



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981

DR.13/1981

13 81

D. R. No.

Act 266

gretked

22/2/82

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membenarkan pembayaran dibuat oleh Persekutuan pada Negeri Selangor mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[

]

BAHAWASANYA menurut suatu Perjanjian bertarikh 1hb Februari 1974 berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan yang ditandatangani di antara Persekutuan dan Negeri Selangor maka adalah diperuntukkan bahawa perkiraan kewangan dibuat di antara Persekutuan dan Negeri Selangor;

BAHAWASANYA perkiraan kewangan telah dipersetujui di antara Persekutuan dan Negeri Selangor;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri Selangor segala bayaran yang kena dibuat menurut perkiraan kewangan yang dipersetujui di antara Persekutuan dan Negeri Selangor mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan.

Pembayaran
dibuat
di bawah
perkiraan
kewangan.

(2) Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Persekutuan kepada Negeri Selangor berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sahnya di sisi undang-undang di bawah Akta ini.

Ditang-
gongkan
kepada
Kumpulan-
wang
Disatukan.

3. Segala bayaran yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan mengenai pembayaran yang akan dibuat oleh Persekutuan pada Negeri Selangor mengenai perkiraan kewangan yang dipersetujui di antara Persekutuan dan Negeri Selangor berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1108.]